



SIARAN MEDIA

Adaptasi Pendigitalan Perkasakan Usahawan Wanita

Kuala Lumpur, 12 Ogos 2021 – Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) mensasarkan untuk membantu usahawan Wanita bagi menguasai kemahiran di dalam e-dagang melalui Program Women Netpreneur anjuran agensinya, SME Corp. Malaysia.

Program ini merupakan kerjasama di antara SME Corp. Malaysia dengan Gorgeous Geeks. Selain daripada meningkatkan kemahiran di dalam e-dagang, usahawan Wanita juga akan dapat meningkatkan pendapatan dan kebolehpasaran mereka melalui program ini.

Menurut Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC), YB Datuk Wira Mas Ermieyati Binti Haji Samsudin, kita tidak boleh mengabaikan usahawan Wanita sebagai penyumbang yang signifikan di dalam ekonomi. Oleh itu adalah penting untuk kita membantu usahawan Wanita terutamanya mereka yang terkesan dengan pandemik Covid-19.

Berdasarkan Bancian Ekonomi Tahun 2016 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, adalah didapati bahawa perniagaan milikan wanita telah menyumbang sebanyak RM69.1 billion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar.

Selain itu, perniagaan milikan wanita juga telah mewujudkan sejumlah 786,132 peluang pekerjaan dengan penggajian sebanyak RM11.1 billion.

MEDAC amat komited di dalam memperkasakan kaum wanita dalam arus perdana pembangunan ekonomi negara. Dengan ini, MEDAC akan terus menyokong Program Women Netpreneur dengan mempergiatkan pelaksanaan sesi libat urus bersama usahawan Wanita seperti sesi hari ini.

Sehingga kini, seramai 2,280 usahawan wanita telah dilatih melalui program Women Netpreneur ini. Dari jumlah tersebut, 80% peserta telah berjaya melanggan platform e-dagang seperti Facebook, Shopee dan Lazada untuk menjalankan perniagaan.

Pengerusi SME Corp. Malaysia, Dato' Sri Syed Hussien Al Habshee berkata bahawa Program Women Netpreneur ini dijangka akan memberi faedah kepada 480 orang usahawan wanita. Disebabkan sambutan yang baik, siri ke-2 program ini akan diteruskan bermula Ogos sehingga November 2021.

Program hari ini turut menyajikan sesi Bual Bicara 'Pendigitalan Perniagaan Usahawan Wanita' yang merupakan platform interaksi di antara MEDAC dan Agensi bersama komuniti usahawan Wanita.

Sesi ini telah memberi peluang kepada usahawan Wanita untuk berkongsi pengalaman dan kisah kejayaan yang boleh dijadikan inspirasi kepada usahawan lain.

Sesi seumpama ini adalah perlu untuk memastikan usahawan wanita disantuni dan kekal positif dalam tempoh yang mencabar ini.

Majlis pada hari ini telah dirasmikan secara dalam talian oleh YB Datuk Wira Mas Ermieyati Binti Haji Samsudin, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Turut hadir pada majlis ini adalah YBhg. Dato' Sri Syed Hussien Al-Habshee, Pengerusi SME Corp. Malaysia; Encik Rizal Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia dan Puan Julia Goh, Presiden Gorgeous Geeks..

- TAMAT -

Untuk maklumat lanjut berkaitan Program Women Netpreneur sila hubungi Puan Nor Azian Md Yusof di talian 03-2775 6174 atau emel – azian@smecorp.gov.my atau Puan Amy Sarah Ahmad Fuad di talian 03-27756352 atau email amysarah@smecorp.gov.my.

Tentang SME Corp. Malaysia

SME Corp. Malaysia merupakan sebuah Agensi Penyelaras Pusat di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) yang berperanan sebagai pusat pengumpulan dan rujukan setempat bagi maklumat dan khidmat nasihat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), penyelaras program pembangunan PKS, penilaian ekonomi serta pengakreditasi PKS, pembangunan perniagaan dan program sokongan, dan juga fasilitasi akses PKS kepada pasaran dalam dan luar negara.

Bermula pada 2 Mei 1996, SME Corp. Malaysia dahulunya dikenali sebagai Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC), bermatlamat membangunkan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Malaysia yang berkeupayaan dan berdaya tahan agar mampu berdaya saing di pasaran global. Pada tahun 2007, SMIDEC telah diberi mandat oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri untuk menggubal dasar dan strategi menyeluruh bagi PKS dan memacu program PKS merentasi Kementerian dan Agensi. Sehubungan itu, SMIDEC telah dijenamakan semula secara rasmi sebagai SME Corp. Malaysia pada 2 Oktober 2009.

PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA (SME CORP. MALAYSIA)

Tingkat 6, Blok B, Platinum Sentral
Jalan Stesen Sentral 2
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur
Tel : 1300-30-6000
Faks : 603-2775 6001
E-mail : info@smecorp.gov.my
Laman web : www.smecorp.gov.my